

04/09/1997

Mahathir lawat Republik Kyrgyz

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat lawatan kerja ke Republik Kyrgyz dari 11 hingga 13 September ini, selepas mengadakan lawatan rasmi ke Mongolia selama empat hari.

Perdana Menteri akan diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa menteri Kabinet, Ketua Menteri Melaka, Ahli Parlimen dan Senator, pegawai kanan kerajaan serta delegasi ahli perniagaan.

Tujuan lawatan Dr Mahathir ialah bagi mengemukakan pandangan Malaysia, mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklum balas berhubung Laporan Ekonomi Bersama Republik Kyrgyz, kata satu kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Luar, hari ini.

Sementara itu, Dr Mahathir juga dijangka merasmikan mesyuarat agung tahunan Parti Maju Sabah (SAPP) kali keempat di Tawau pada 21 September ini.

(END)